

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (No. 2) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 2) 2009**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Pindaan am

2. Peraturan-peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “tambahan zat makanan” di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan “nutrien yang ditambah”.

(b) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “zat makanan” di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan “nutrien”.

Pindaan peraturan 11

3. Peraturan 11 dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda —

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(e) perenggan yang berikut:

“(ea) jika makanan itu mengandungi ramuan yang diketahui boleh menyebabkan hipersensitiviti, suatu pernyataan yang menandakan bahawa makanan itu boleh menyebabkan hipersensitiviti;” dan

P.U. (A) 306.

- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Bagi maksud perenggan (ea) subperaturan (1), makanan atau ramuan tertentu yang diketahui boleh menyebabkan hipersensitiviti adalah seperti yang berikut:

- (a) bijirin yang mengandungi gluten termasuk gandum, rai, barli dan oat;
- (b) kacang dan hasil kacang termasuk kacang tanah dan kacang soya;
- (c) ikan dan hasil ikan;
- (d) susu dan hasil susu (termasuk laktosa); dan
- (e) telur dan hasil telur.”.

Pindaan peraturan 12

4. Subperaturan 12(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “, (g) dan (h)” dengan perkataan “dan (g)”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “peraturan 11” perkataan “, dan oleh peraturan 18B,”.

Pindaan peraturan 16

5. Subperaturan 16(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

P.U. (A) 306.

- (a) dengan memotong perkataan “, (h)”¹; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “peraturan 11” perkataan “, dan peraturan 18B”.

Pindaan peraturan 17

6. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “dan 16” dengan perkataan “, 16 dan 18B”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “, (g) dan (h)” dengan perkataan “dan (g)”²; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Peraturan 18B tidak terpakai bagi apa-apa bungkusan yang mempunyai jumlah luas permukaan yang kurang daripada 100cm² dan botol kaca yang boleh diguna semula, dengan syarat bahawa tiada akuan pemakanan dibuat.”.

Pindaan peraturan 18

7. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (6) subperaturan yang berikut:

“(7) Tiada suatu pun label yang memperihalkan sesuatu makanan boleh mengandungi perkataan “organik”, “biologikal”, “ekologikal”, “biodinamik” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama melainkan jika makanan itu mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Standard Malaysian MS 1529: Pengeluaran, Pemprosesan, Pelabelan dan Pemasaran Makanan Yang Dihasilkan Secara Organik.

P.U. (A) 306.

(8) Tiada suatu pun label yang memperihalkan apa-apa makanan boleh mengandungi perkataan “berkhasiat” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama melainkan jika—

- (a) makanan itu mengandungi suatu kumpulan nutrien termasuk karbohidrat, lemak, protein, vitamin dan mineral;
- (b) makanan itu mengandungi amaun tenaga yang cukup banyak yang melebihi 40 kcal bagi setiap 100g atau 20kcal bagi setiap 100ml;
- (c) makanan itu mengandungi sumber protein tidak kurang daripada 5g bagi setiap 100g atau 2.5g bagi setiap 100ml;
- (d) makanan itu mengandungi sekurang-kurangnya empat vitamin pada amaun yang memenuhi kriteria untuk diakui sebagai sumber dan dua mineral (tidak termasuk natrium) pada amaun yang memenuhi kriteria untuk diakui sebagai sumber; dan
- (e) amaun nutrien yang disebutkan dalam perenggan (a) dan (d) diisytiharkan.”.

Pindaan peraturan 18B

8. Peraturan 18B Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(4A) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, sebutan mengenai “gula” hendaklah menjadi

P.U. (A) 306.

sebutan mengenai semua monosakarida dan disakarida yang terkandung dalam makanan sama ada secara asli atau ditambah.”;

- (b) dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Jika suatu akuan dibuat tentang jumlah atau jenis asid lemak, amaun asid lemak tepu, monotidaktepu, politidaktepu dan asid trans lemak hendaklah diisytiharkan dalam bentuk yang berikut, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Lemakg
yang terdiri daripada	
asid lemak monotidaktepug
asid lemak politidaktepug
asid lemak tepug
asid trans lemakg”;

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (9)(a) perenggan yang berikut:

“(aa) jika vitamin dan mineral itu tidak termasuk di bawah perenggan (a), kandungannya hendaklah dalam amaun yang tidak kurang daripada amaun dalam rujukan kuantiti sesuatu makanan yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual Kedua Belas; atau”;

- (d) dalam perenggan 9(b), dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan (a)” perkataan “atau (aa)”;

- (e) dengan menggantikan subperaturan (12) dengan subperaturan yang berikut:

P.U. (A) 306.

“(12) Maka bolehlah dituliskan pada label bungkusan makanan jumlah kolestrol dan natrium, atau serabut diet dengan cara yang berikut:

- (a) jumlah kolestrol dan natrium hendaklah dinyatakan dalam mg bagi setiap 100g atau bagi setiap 100 ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu hanya mengandungi satu bahagian dan satu hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label; dan
- (b) jumlah serabut diet hendaklah dinyatakan dalam g bagi setiap 100g atau bagi setiap 100ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu hanya mengandungi satu bahagian dan satu hidangan sebagaimana yang dinyatakan kuantitinya pada label.”

Pindaan peraturan 18D

9. Perenggan 18D(3)(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “kandungan nutrien yang setara dengan angka yang ditakrifkan sebagai” dengan perkataan “kandungan nutrien yang sama banyak dengan atau lebih daripada nilai yang perlu untuk diakui sebagai”.

Pindaan peraturan 18E

10. Peraturan 18E Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Melainkan sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, hanya akuan fungsi nutrien yang berikut atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama adalah dibenarkan:

P.U. (A) 306.

(a) Asid folik:

- (i) Asid folik adalah amat penting untuk pertumbuhan dan pembahagian sel;
- (ii) Folat memainkan peranan dalam pembentukan sel darah merah;
- (iii) Folat membantu mengekalkan pertumbuhan dan perkembangan janin;

(b) Asid sialik:

Asid sialik adalah komponen penting tisu otak;

(c) Besi:

- (i) Besi adalah suatu faktor dalam pembentukan sel darah merah;
- (ii) Besi adalah komponen hemoglobin dalam sel darah merah yang mengangkut oksigen ke seluruh bahagian badan;

(d) Inulin dan oligofruktosa (frukto-oligosakarida):

- (i) Inulin membantu meningkatkan bifidobakteria usus dan membantu mengekalkan persekitaran usus yang baik;
- (ii) Oligofruktosa (frukto-oligosakarida) membantu meningkatkan bifidobakteria usus dan membantu

mengekalkan persekitaran usus yang baik;

(iii) Inulin adalah bifidogenik;

(iv) Oligofruktosa (frukto-oligosakarida) adalah bifidogenik;

(e) Iodin:

Iodin adalah amat penting untuk pembentukan hormon tiroid;

(f) Kalsium:

Kalsium membantu dalam perkembangan tulang dan gigi yang kuat;

(g) Magnesium:

Magnesium menggalakkan penyerapan dan pengekalan kalsium;

(h) Niasin:

Niasin diperlukan untuk melepaskan tenaga daripada protein, lemak dan karbohidrat;

(i) Protein:

(i) Protein membantu membina dan membaiki tisu badan;

(ii) Protein adalah amat penting untuk pertumbuhan dan

perkembangan;

- (iii) Protein membekalkan asid amino yang diperlukan untuk sintesis protein;

(j) Serat larut oat (β -glukan):

Serat larut oat (β -glukan) membantu merendahkan atau mengurangkan kolesterol;

(k) Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan:

Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan membantu merendahkan atau mengurangkan kolesterol;

(l) Vitamin A:

- (i) Vitamin A membantu mengekalkan kesihatan kulit dan membran mukus;

- (ii) Vitamin A adalah amat penting untuk fungsi mata;

(m) Vitamin B₁/Tiamina:

Vitamin B₁/Tiamina diperlukan untuk melepaskan tenaga daripada karbohidrat;

(n) Vitamin B₂/Riboflavin:

Vitamin B₂/Riboflavin diperlukan untuk melepaskan tenaga daripada protein, lemak dan karbohidrat;

P.U. (A) 306.

(o) Vitamin B₁₂/Sianokobalamina:

Vitamin B₁₂/Sianokobalamina diperlukan untuk menghasilkan sel darah merah;

(p) Vitamin C:

(i) Vitamin C meningkatkan penyerapan besi daripada sumber bukan daging;

(ii) Vitamin C menyumbang dalam menyerap besi daripada makanan;

(q) Vitamin D:

(i) Vitamin D membantu badan menggunakan kalsium dan fosforus;

(ii) Vitamin D adalah perlu untuk penyerapan dan penggunaan kalsium dan fosforus;

(r) Vitamin E:

Vitamin E melindungi lemak dalam tisu badan daripada pengoksidaan;

(s) Zink:

Zink adalah amat penting untuk pertumbuhan.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

P.U. (A) 306.

“(4A) Bagi maksud perenggan (4)(b), akuan itu hanya boleh dibuat untuk rumusan bayi dan rumusan susulan sebagaimana yang ditetapkan masing-masing dalam peraturan 389 dan 389A.

(4B) Bagi maksud perenggan (4)(k)—

(a) hendaklah ditulis pada label makanan yang membuat akuan tentang nutrien tersebut pernyataan yang berikut:

(i) “Tidak disyorkan bagi wanita mengandung dan menyusui, dan kanak-kanak di bawah umur lima tahun”;

(ii) “Individu yang sedang mengambil ubat untuk menurunkan kolesterol mesti mendapatkan nasihat perubatan sebelum menggunakan produk ini”;

(iii) Suatu pernyataan yang memberi makna bahawa produk tersebut digunakan sebagai sebahagian daripada diet yang seimbang dan pelbagai dan hendaklah disertakan dengan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran secara tetap untuk mengekalkan paras karotenoid; dan

(iv) “Dengan tambahan sterol tumbuhan” atau “Dengan tambahan stanol tumbuhan” dengan penghurufan tidak kurang daripada sepuluh poin;

(b) amaun keseluruhan sterol tumbuhan atau stanol

P.U. (A) 306.

tumbuhan yang terkandung dalam produk itu hendaklah dinyatakan dalam unit metrik bagi setiap 100 g atau bagi setiap 100 ml atau bagi setiap bungkusan jika bungkusan itu mengandungi hanya satu bahagian dan bagi setiap hidangan seperti yang dinyatakan dalam label;

- (c) hanya istilah “sterol tumbuhan” atau “stanol tumbuhan” boleh digunakan untuk menyatakan kehadiran komponen itu; dan
- (d) akuan hanya boleh dibuat untuk susu, hasil susu, susu kacang soya dan minuman kacang soya seperti yang dinyatakan masing-masingnya dalam peraturan 82, 83, 357 dan 358.”.

Pindaan peraturan 20

11. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Walau apa pun perenggan (g) subperaturan (1) peraturan (11), jika sulfit atau sulfur dioksida telah ditambah dan amaun sulfit atau sulfur dioksida sebagai pengawet yang dibenarkan adalah lebih daripada 10 mg/kg, hendaklah ditulis pada label perkataan “mengandungi sulfur dioksida”.”

Pindaan peraturan 22

12. Perenggan 22(2)(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “sayur-sayuran” perkataan “, buah-buahan”.

Pindaan peraturan 25

13. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

P.U. (A) 306.

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pelarut” perkataan “, agen pelicauan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Walau apa pun perenggan (g) subperaturan (1) peraturan (11), jika kondisioner makanan yang dibenarkan telah ditambah kepada apa-apa makanan, hendaklah ditulis pada label bungkusan yang mengandungi makanan itu perkataan “mengandungi (nyatakan nama kelas kondisioner makanan) sebagai kondisioner makanan yang dibenarkan”.”

Pindaan peraturan 26

14. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 26 dengan peraturan yang berikut:

“26. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “nutrien yang ditambah” termasuklah apa-apa mineral, vitamin, asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen-komponen makanan lain yang, apabila ditambah pada makanan sama ada secara berasingan atau sebagai campuran, menambah nilai pemakanan makanan.

(2) Nutrien yang ditambah yang dinyatakan dalam Daftar I kepada Jadual Kedua Belas ialah nutrien yang ditambah yang dibenarkan mengikut pengertian dan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(3) Melainkan sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, nutrien yang ditambah yang dibenarkan boleh ditambah pada apa-apa makanan.

P.U. (A) 306.

(4) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa makanan yang kepadanya telah ditambah nutrien yang ditambah selain nutrien yang ditambah yang dibenarkan.

(5) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang atau mengiklankan untuk jualan atau menjual, sebagai sesuai untuk kegunaan dalam makanan, apa-apa nutrien yang ditambah selain nutrien yang ditambah yang dibenarkan.

(6) Tiap-tiap bungkusan yang mengandungi makanan yang telah ditambah asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain, hendaklah dilabel dengan—

- (a) nama asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditambah pada makanan itu; dan
- (b) amaun asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain yang ditambah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terkandung dalam suatu kuantiti tertentu makanan itu.

(7) Tiada suatu pun label bungkusan yang mengandungi apa-apa makanan boleh mengandungi akuan bahawa makanan itu telah diperkaya, diperkuat, ditambah vitamin, diperlengkap atau diperteguh, atau boleh mengandungi apa-apa pernyataan yang boleh atau berkemungkinan memberi makna yang sama, melainkan kuantiti yang disebut bagi makanan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Daftar II kepada Jadual Kedua Belas memberikan tidak kurang daripada amaun vitamin atau mineral, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dinyatakan berhubung dengannya dalam ruang (2) hingga (17) Daftar itu, yang diperoleh daripada sumber nutrien yang ditambah yang dinyatakan dalam Daftar I kepada Jadual itu.

P.U. (A) 306.

(8) Walau apa pun subperaturan (7), label pada sesuatu bungkusan makanan yang telah ditambah asid amino atau asid lemak atau kedua-duanya boleh mengandungi akuan bahawa makanan itu telah diperkaya, atau diperlengkap dengan asid amino atau asid lemak atau kedua-duanya, dan jika akuan sedemikian dibuat ia hendaklah dinyatakan pada label itu dalam bentuk yang berikut atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama:

“Makanan ini (nyatakan kualiti yang diakui sebagaimana tersebut di atas) dengan (nyatakan amaunnya dalam milligram) (nyatakan sama ada asid amino, asid lemak atau kedua-duanya)”.

(9) Jika sesuatu makanan diakui mempunyai kualiti sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (7), hendaklah ditulis pada label bungkusan yang mengandungi makanan itu, perkataan “Makanan ini (nyatakan kualiti yang diakui sebagaimana dalam subperaturan (7)) dengan (nyatakan vitamin atau mineral atau kedua-duanya serta amaunnya mengikut unit sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual Kedua Belas)” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama.

(10) Tiada suatu pun makanan boleh mengandungi vitamin dan mineral dalam suatu amaun yang melebihi amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar III kepada Jadual Kedua Belas.”.

Peraturan baru 125A

15. Peraturan-peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 125 peraturan yang berikut:

“Trehalose dihidrat.

125A. (1) Trehalose dihidrat adalah suatu produk kristal putih atau hampir putih dan ia merupakan disakarida tidak terturun yang diperbuat daripada cairan kanji melalui proses enzimatik berbilang langkah.

P.U. (A) 306.

- (2) Trehalose dihidrat hendaklah—
- (a) tidak kurang daripada 98 peratus pada asas kering;
 - (b) mempunyai titik pencairan pada 97°C; dan
 - (c) menghasilkan tidak lebih daripada—
 - (i) 0.05 peratus abu; dan
 - (ii) 1.5 peratus air semasa pengeringan pada 60°C selama 5 jam.
- (3) Trehalose dihidrat boleh ditambah kepada makanan dan kadar maksimum yang dibenarkan dalam makanan hendaklah ditentukan mengikut amalan pengilangan yang baik.”.

Pindaan peraturan 134

16. Peraturan 134 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “sucralose” perkataan “, erythritol”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Erythritol yang mematuhi standard yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual Kedua Puluh A boleh ditambah kepada makanan tenaga rendah dan kadar maksimum erythritol yang dibenarkan hendaklah ditentukan mengikut amalan pengilangan yang baik.”.

P.U. (A) 306.

Pindaan peraturan 136

17. Peraturan 136 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Konfeksi gula boleh mengandungi bahan pewarna yang dibenarkan, bahan perisa yang dibenarkan, kondisioner makanan yang dibenarkan dan acelsulfame potassium yang tidak melebihi 3,500 mg/kg sebagai bahan pemanis tanpa zat yang dibenarkan.”.

Pindaan peraturan 223

18. Subperaturan 223(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kondisioner makanan yang dibenarkan” perkataan “termasuk asid suksinik dalam suatu kadar tidak melebihi 5 g/kg”.

Pindaan peraturan 224

19. Peraturan 224 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Stok sup boleh mengandungi—

(a) rempah-ratus, minyak rempah, pudina dan cuka; dan

(b) karamel dan bahan pewarna dari sayuran yang dibenarkan, bahan perisa yang dibenarkan, penambah perisa yang dibenarkan dan kondisioner makanan yang dibenarkan, termasuk asid suksinik dengan syarat bahawa produk akhir selepas pencairan tidak mengandungi lebih daripada 5g/kg asid suksinik.”.

Pindaan peraturan 233

20. Subperaturan 233(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “gula” perkataan “, gula songsang, sirap tapis, glukosa atau sirap

P.U. (A) 306.

glukosa dikeringkan”.

Pindaan peraturan 253

21. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 253 dengan peraturan yang berikut:

“253. (1) Santan kelapa adalah emulsi cair yang diekstrak daripada isirung yang matang buah *Cocos nucifera*.

(2) Santan kelapa hendaklah—

(a) mengandungi tidak kurang daripada—

(i) 12.7 peratus dan tidak lebih daripada 25.3 peratus jumlah pepejal;

(ii) 2.7 peratus pepejal tanpa lemak; dan

(iii) 10 peratus lemak;

(b) mempunyai pH yang tidak kurang daripada 5.9; dan

(c) bebas daripada residu isirung.

(3) Santan kelapa boleh mengandungi kondisioner makanan yang berikut:

(a) ester sukrosa daripada asid lemak dalam kadar tidak lebih daripada 1,500 mg/kg;

(b) apa-apa ester asid lemak polioksietilena sorbitan dalam kadar tidak lebih daripada 1,000 mg/kg;

P.U. (A) 306.

- (c) monogliserida dan digliserida; dan
- (d) gam guar, gam xanthan, selulosa sodium karboksimetil dan gam gellan.”.

Pindaan peraturan 254

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 254 dengan peraturan yang berikut:

“254. (1) Krim kelapa adalah emulsi yang diekstrak daripada isirung yang matang buah *Cocos nucifera*.

(2) Krim kelapa hendaklah—

(a) mengandungi tidak kurang daripada—

- (i) 25.4 peratus dan tidak lebih daripada 37.3 peratus jumlah pepejal;
- (ii) 5.4 peratus pepejal tanpa lemak; dan
- (iii) 20 peratus lemak;

(b) mempunyai pH yang tidak kurang daripada 5.9; dan

(c) bebas daripada residu isirung.

(3) Krim kelapa boleh mengandungi kondisioner makanan yang berikut:

(a) ester sukrosa daripada asid lemak dalam kadar tidak lebih

P.U. (A) 306.

daripada 1,500 mg/kg;

- (b) apa-apa ester asid lemak polioksietilena sorbitan dalam kadar tidak lebih daripada 1,000 mg/kg;
- (c) monogliserida dan digliserida; dan
- (d) gam guar, gam xanthan, selulosa sodium karboksimetil dan gam gellan.”.

Pindaan peraturan 254A

23. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 254 peraturan yang berikut:

“Pekatan
krim kelapa.

254A. (1) Pekatan krim kelapa adalah produk yang diperolehi daripada air yang dikeluarkan daripada emulsi yang diekstrak daripada isirung yang matang buah *Cocos nucifera*.

(2) Pekatan krim kelapa hendaklah—

(a) mengandungi tidak kurang daripada—

(i) 37.4 peratus jumlah pepejal;

(ii) 8.4 peratus pepejal tanpa lemak; dan

(iii) 29 peratus lemak;

(b) mempunyai pH yang tidak kurang daripada 5.9; dan

(c) bebas daripada residu isirung.

P.U. (A) 306.

(3) Pekatan krim kelapa boleh mengandungi kondisioner makanan yang berikut:

- (a) ester sukrosa daripada asid lemak dalam kadar tidak lebih daripada 1,500 mg/kg;
- (b) apa-apa ester asid lemak polioksietilena sorbitan dalam kadar tidak lebih daripada 1,000 mg/kg;
- (c) monogliserida dan digliserida; dan
- (d) gam guar, gam xanthan, selulosa sodium karboksimetil dan gam gellan.”.

Pindaan peraturan 255

24. Peraturan 255 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Serbuk krim kelapa adalah serbuk putih larut yang dibuat daripada krim kelapa sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 254.”.

Pindaan peraturan 259

25. Subsubperenggan 259(2)(c)(ii)(aa) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “gula” dengan perkataan “garam”.

Pindaan peraturan 279

26. Subperaturan 279(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

P.U. (A) 306.

- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(d) lilin lebah, lilin candelila, syelek atau lilin karnauba sebagai agen pelicauan yang dibenarkan dalam kadar tidak lebih daripada 500 mg/kg.”.

Pindaan peraturan 280

27. Subperaturan 280(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(d) lilin lebah, lilin candelila, syelek atau lilin karnauba sebagai agen pelicauan yang dibenarkan dalam kadar tidak lebih daripada 500 mg/kg.”.

Pindaan peraturan 281

28. Subperaturan 281(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kondisioner makanan yang dibenarkan” perkataan “termasuk lilin lebah, lilin candelila, syelek atau lilin karnauba sebagai agen pelicauan yang dibenarkan dalam kadar tidak lebih daripada 500 mg/kg”.

Pindaan peraturan 332A

29. Perenggan 332A(4)(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan

P.U. (A) 306.

selepas perkataan “serbuk kunyit sebatian” perkataan “atau “serbuk kunyit campuran” ”.

Pindaan peraturan 339

30. Subperaturan 339(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau biasanya dikenali sebagai “ketchup””.

Pindaan peraturan 357

31. Subperaturan 357(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan gula” dengan perkataan “gula dan bahan tumbuhan yang tidak merbahaya”.

Pindaan peraturan 358

32. Subperaturan 358(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan gula” dengan perkataan “gula dan bahan tumbuhan yang tidak merbahaya”.

Pindaan peraturan 389

33. Subperaturan 389 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (13) subperaturan berikut:

“(13A) Perkataan “kemanusiaan” atau “keibuan” tidak boleh terdapat pada mana-mana label rumusan bayi.”.

Pindaan peraturan 389A

34. Subperaturan 389A(20) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “infant” dengan perkataan “follow-up”.

Pindaan peraturan 392

35. Subperaturan 392(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan, “dan aspartame” dengan perkataan “, aspartame dan erythritol”.

Pindaan peraturan 395

P.U. (A) 306.

36. Subperaturan 395(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “bahan pemanis tanpa zat” perkataan “kecuali untuk acesulfame potassium, dengan kelulusan bertulis Pengarah terlebih dahulu”.

Pindaan Jadual Kelima A

37. Jadual Kelima A kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam Daftar I—

- (i) dalam tajuk teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “18A” dengan perkataan “18c”;
- (ii) dengan menggantikan butiran “Gula” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
A.		<i>Tidak lebih daripada</i>
“Gula	Rendah	5 g bagi setiap 100 g (pepejal) 2.5 g bagi setiap 100 ml (cecair)
	Bebas	0.5 g bagi setiap 100 g (pepejal) 0.5 g bagi setiap 100 ml (cecair)”

; dan

- (iii) dengan menggantikan butiran “Natrium” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Komponen</i>	<i>Akuan</i>	<i>Syarat-syarat</i>
-----------------	--------------	----------------------

P.U. (A) 306.

		<i>Tidak lebih daripada</i>
"Natrium	Rendah	0.12 g bagi setiap 100 g (pepejal) 0.06 g bagi setiap 100 ml (cecair)
	Sangat rendah	0.04 g bagi setiap 100 g (pepejal) 0.02 g bagi setiap 100 ml (cecair)
	Bebas	0.005 g bagi setiap 100 g (pepejal) 0.005 g bagi setiap 100 ml (cecair)"

; dan

(b) dalam Daftar II—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "*Not more than*" dengan perkataan "*Not less than*";
- (ii) dengan memasukkan selepas butiran "Vitamins dan Mineral" dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Komponen	Akuan	Syarat-syarat
"B.		Tidak kurang daripada
Jumlah Serat Diet	Sumber	3 g bagi setiap 100 g (pepejal) 1.5 g bagi setiap 100 ml (cecair)
	Tinggi	6 g bagi setiap 100 g (pepejal) 3 g bagi setiap 100 ml (cecair)

P.U. (A) 306.

Komponen	Akuan	Syarat-syarat
"B.		Tidak kurang daripada
Oat Serat Larut (β -glucan)**	Sumber	2 g bagi setiap 100 g (pepejal)
Jumlah Asid Sialik	Sumber	Tidak kurang daripada: 36 mg bagi setiap 100 kcal (24 mg bagi setiap 100 ml) Tidak lebih daripada: 67 mg bagi setiap 100 kcal (45 mg bagi setiap 100 ml)
Sterol Tumbuhan / Stanol tumbuhan [@]	Sumber	1.3 g bagi setiap 100 g (pepejal) 160 mg bagi setiap 100 ml (cecair) (bagi produk yang ditambah dengan sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan, hidangan harian tidak boleh membekalkan lebih daripada 3 g sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan sehari)
Inulin	Sumber	2 g bagi setiap hidangan
Oligofruktosa	Sumber	1.25 g bagi setiap hidangan"

; dan

- (iii) dalam "Catatan", dengan memasukkan selepas butiran "Protein (g) 50" butiran yang berikut:

P.U. (A) 306.

“(**) untuk akuan fungsi nutrien “Oat Serat Larut”, makanan itu juga hendaklah mengandungi jumlah serat diet yang tidak kurang daripada suatu amaun yang ditetapkan untuk membuat akuan sebagai “Sumber”;

(@) hanya dalam susu, hasil susu, susu kacang soya dan minuman kacang soya”.

Pindaan Jadual Ketujuh

38. Jadual Ketujuh kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar II dalam subperenggan 1(2) dengan memasukkan selepas butiran “anthocyanin”, butiran “beet red,”.

Pindaan Jadual Kesebelas

39. Jadual Kesebelas kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar II—

(a) dengan menggantikan butiran “Coklat, coklat putih” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) <i>Makanan</i>	(2) <i>Kondisioner Makanan</i>
“Coklat, coklat putih	polyglycerol polyricinolate, lilin lebah, lilin candelila, syelek atau lilin karnauba” ;

(b) dengan memasukkan selepas butiran “Pes daging dan daging kilang” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

P.U. (A) 306.

(1) <i>Makanan</i>	(2) <i>Kondisioner Makanan</i>
“Coklat susu	lilin lebah, lilin candelila, syelek atau lilin karnauba” ; dan

- (c) dengan memasukkan selepas butiran “Garam” dan butir-butir yang berhubungannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1) <i>Makanan</i>	(2) <i>Kondisioner Makanan</i>
“Sup, stok sup	asid suksinik” .

Pindaan Jadual Kedua Belas

40. Jadual Kedua Belas kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam Daftar I—

- (i) dalam perenggan 1, dengan memotong perkataan “Taurina”;
- (ii) dengan memasukkan selepas butiran “Fitilmenakuinon” di bawah tajuk “Vitamin K₁” butiran yang berikut:

“Phytomenadione
Methylphytylnaphthochinonum
Phylloquinone
Phytomenad
Phytomenadionum
Phytonadione”;

P.U. (A) 306.

- (iii) dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“2. Asid amino

Asid amino perlu

L-soleusina

L-leusina

L-lisina

L-methionina

L-phenylalanina, D-phenylalanina, DL-phenylalanina

Taurina

Threonina

L-tryptophan

L-valina

Asid amino tak perlu

Alanine

L-arginina

Asparagina

L-asid aspartik

L-karnitina

L-cysteina

L-glutamina, L-asid glutamina

Glisina

L-histidina

L-ornithina

Prolina

Serina

L-tirosina”; dan

- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan 4 perenggan yang berikut:

“5. Komponen makanan lain

Inulin (kecuali dalam rumusan bayi)

Oligofruktosa / Frukto-oligosakarida (kecuali dalam rumusan bayi)

Asid sialik (daripada susu)

Sterol tumbuhan atau stanol tumbuhan atau phytosterol atau phytostanol yang terdiri sebahagian besarnya daripada sitosterol, kampesterol, stigmasterol dan stanol tumbuhan lain yang berhubung dengannya“; dan

- (b) dalam Daftar III, dengan menggantikan tajuk dan kepala dengan tajuk dan kepala yang berikut:

“DAFTAR III

Makanan tidak boleh mengandungi apa-apa nutrien yang ditambah yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual di bawah melebihi amaun yang dinyatakan bersententangan dengannya dalam ruang (2) Daftar itu.

(1)	(2)
<i>Nutrien yang ditambah</i>	<i>Amaun maksimum dalam hidangan harian yang dicadangkan”.</i>

Pindaan Jadual Ketujuh Belas

41. Jadual Ketujuh Belas kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Daftar II dengan Daftar yang berikut:

DAFTAR II

**KADAR MAKSIMUM YANG DIBENARKAN BAGI ACESULFAME POTASSIUM
DALAM MAKANAN TERTENTU**

(1)	(2)
<i>Makanan</i>	<i>Kadar maksimum yang dibenarkan</i>
Ais krim	1,000 mg/kg
Biji sawi, serbuk biji sawi, minyak biji sawi	350 mg/kg
Buah berkaling, koktel buah berkaling	500 mg/kg
Buah kering, buah kering campuran	500 mg/kg
Coklat, coklat putih, coklat susu	1,000 mg/kg
Cuka suling, sebatian, tiruan atau buatan	GMP
Cutni	1,000 mg/kg
Gam kunyah	5,000 mg/kg
Jem, jeli buah, marmalad	1,000 mg/kg
Kandi buah, atau glis buah atau halwa buah	500 mg/kg
Keropok ikan	350 mg/kg
Koko atau serbuk koko atau koko larut	2,500 mg/kg

P.U. (A) 306.

Konfeksi ais	800 mg/kg
Konfeksi sajian	1,000 mg/kg
Minuman ringan tenaga rendah lain	3,000 mg/kg
Mayonis	1,000 mg/kg
Minuman ringan tenaga rendah	600 mg/l
Pemutih minuman	GMP
Rempah	GMP
Sos salad	1,000 mg/kg
Sos soya, sos protein sayur hidrolisis, sos protein sayur hidrolisis sebatian, sos cili dan sos tomato	350 mg/l
Spirit, brandi, brandi buah, rum, wiski, vodka, gin, samsu dan likeur	GMP
Sup, stok sup	110 mg/kg
Tepung kastard	350 mg/kg
Wain buah	GMP
Wain madu atau mid	GMP
Wain, koktel wain, wain berudara, wain kering, wain manis, wain beras dan todi, bir, lager, ale stout, syandi	350 mg/l

Pindaan Jadual Kedua Puluh A

P.U. (A) 306.

42. Jadual Kedua Puluh A kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Twentieth Schedule A” dengan perkataan “Twentieth A Schedule”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas Daftar I Daftar yang berikut:

“Daftar II

PIAWAIAN BAGI ERYTHRITOL (1,2,3,4- Butanetreol)

Erythritol hendaklah mengandungi tidak kurang dari 99 peratus erythritol atas asas tanpa air.”.

Pindaan Jadual Kedua Puluh Satu

43. Jadual Kedua Puluh Satu kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar II dengan memasukkan di bawah kepala “PENGASID, ALKALI DAN PENAMPAN” butiran “Kalsium hidroksida” dan “Kalium hidroksida”.

Pindaan Jadual Kedua Puluh Satu A

44. Teks bahasa Inggeris Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Kedua Puluh Satu A dalam Daftar III dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “INFANT” dengan perkataan “FOLLOW-UP”.

Dibuat 3 Disember 2008

[KKM – 163/S/6;PN(PU²)418/XIII]

DATO' LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan